

**F4GM**

# Niaga Hadapan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia

Akses pendedahan leveraj kepada Syarikat  
Tersenarai Awam Malaysia berprinsip ESG

**ESG**

# Apakah itu F4GM?

F4GM ialah Niaga Hadapan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dalam denominasi Ringgit Malaysia ("RM") yang menawarkan para pelabur pendedahan leveraj kepada syarikat tersenarai awam (PLCs) yang berprinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).



## Ciri-ciri



### Saiz Kontrak

Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) didarab dengan RM50.00



### Kaedah Penyelesaian

Penyelesaian tunai dalam Ringgit Malaysia (RM)



### Penetapan Harga

0.5 mata indeks bernilai RM25.00

## Apakah Kod Ticker untuk Kontrak F4GM?

### ► CME GLOBEX®

<F4GM> + <Kod Bulan> + <Kod Tahun>  
Contoh: F4GMZ22

### ► Bloomberg

TFBA Index CT <Go>

### ► Refinitiv

<F4GM> + <Kod Bulan> + <Kod Tahun>  
Contoh: <F4GMZ2> Kontrak DEC22


### ► Perkhidmatan Data ICE

F: F4GM\MYY, di mana M ialah kod bulan  
dan yy ialah nombor tahun  
Contoh F: F4GM\Z22

# Mengapa Berdagang Dalam F4GM?



## Manfaatkan Kedua-dua Pasaran Menaik Dan Menurun



F4GM menyediakan pelabur runcit dengan produk berstruktur dan berkecimpulan untuk mempergunakan indeks ekuiti ESG. Beli rendah dan jual tinggi apabila wujud prospek peningkatan harga pada pergerakan pasaran ekuiti dan sebaliknya apabila wujud prospek penurunan harga.

## Perdagangan Leveraj



Peroleh pendedahan berleveraj kepada nilai nosional indeks pendasar dengan jumlah modal kecil (Margin Awal) dan dengan ini dapat menggandakan kesan perubahan harga.

## Pencapaian Mandat Pelaburan Mampan



Selain daripada menggunakan F4GM sebagai pelindung nilai terhadap risiko perubahan harga yang tidak menguntungkan dalam pasaran ekuiti, para pelabur institusi boleh menjalankan jual beli F4GM untuk memenuhi mandat pelaburan ESG sebagai unsur asas Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM)

yang telah dipantau dengan menggunakan kaedah terkenal dalam industri.



## Akses Global

F4GM telah didagangkan secara elektronik di CME GLOBEX®, sebuah platform dagangan elektronik global. CME GLOBEX® mudah diakses dan ia membolehkan pedagang individu dan profesional di seluruh dunia untuk mengakses kesemua produk Bursa Malaysia Derivatives.



## Dagangan Dikawal Selia

Berdagang dengan yakin dalam pasaran yang selamat dan telus yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

# Pasaran Menaik

Januari  
(Bulan Semasa)

- Syafiq sedang memantau pasaran saham dengan teliti disebabkan pilihanraya umum. Dia menjangkakan bahawa pasaran akan menunjukkan arah aliran menaik selepas pilihanraya
- F4GM didagangkan pada **862.00** mata

Mac  
(2 Bulan Kemudian)

- F4GM menaik kepada **877.50** mata

**Cara menggunakan kontrak F4GM untuk mendapat keuntungan dari pasaran menaik:**

Beli 1 Kontrak F4GM pada  
862.00 mata



**UNTUNG KASAR**

(877.50 - 862.00)

**×50**

= **RM775**

Jual 1 Kontrak F4GM pada  
877.50 mata



Strategi yang sama boleh digunakan untuk indikasi pasaran menaik yang lain

# Pasaran Menurun

Januari  
(Bulan Semasa)

- Susan menganggap bahawa kenaikan pasaran semasa telah sampai masanya untuk berlaku pembetulan tidak lama lagi dan dia menjangkakan penurunan dari tahap tertinggi akhir-akhir ini
- F4GM didagangkan pada **853.00** mata

Mac  
(2 Bulan Kemudian)

- F4GM menurun kepada **848.50** mata

**Cara menggunakan kontrak F4GM untuk mendapat keuntungan dari pasaran menurun:**

Jual 1 Kontrak F4GM pada  
853.00 mata



**UNTUNG KASAR**

(853.00 - 848.50)

**×50**

= **RM225**

Beli 1 Kontrak F4GM pada  
848.50 mata



Strategi yang sama (jualan singkat) boleh digunakan untuk indikasi pasaran menurun yang lain

# Apakah Keperluan Margin Bagi F4GM dan Mata Wang Asing Diluluskan?

Margin Awal bagi F4GM yang dikenakan oleh Bursa akan diubah dari semasa ke semasa berdasarkan pada pelbagai faktor termasuk harga dan perubahan harga kontrak. Rujuk kepada Pekeliling untuk Bon Prestasi/Kadar Margin terkini Kontrak F4GM.

Mata wang asing yang diterima sebagai margin awal untuk Kontrak F4GM adalah seperti berikut:

- ▶ Ringgit Malaysia (RM)
- ▶ Dolar Amerika Syarikat (USD)
- ▶ Paun Sterling (GBP)
- ▶ Euro (EUR)
- ▶ Dolar Hong Kong (HKD)
- ▶ Yen Jepun (JPY)
- ▶ Renminbi China (RMB)
- ▶ Dolar Singapura (SGD)
- ▶ Dolar Australia (AUD)

Sila rujuk kepada Broker Niaga Hadapan berlesen anda untuk cagaran lain yang diluluskan.

## **Mula Melabur!**

**Bukalah Akaun Dagangan Niaga Hadapan  
dengan Broker Niaga Hadapan berlesen  
Bursa Malaysia Derivatives hari ini.**

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini, imbas di sini:



### **BURSA MALAYSIA BERHAD**

197601004668 (30632-P)  
Exchange Square, Bukit Kewangan,  
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(603) 2034 7000  
Fax: +(603) 2026 3584  
Email: [futures@bursamalaysia.com](mailto:futures@bursamalaysia.com)

#### **Penafian**

Risalah ini disediakan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukanlah nasihat kewangan atau perdagangan dan ia tidak mengesyorkan mana-mana produk yang dinyatakan di sini. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia Berhad dan syarikat kumpulannya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad ("Bursa Malaysia") tidak menjamin atau mewakili, secara nyata atau tersirat mengenai ketepatan atau kesempurnaan maklumat di dalamnya. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menjamin atau menjamin prestasi apa-apa produk yang dirujuk dalam risalah ini. Semua undang-undang, keperluan pengawalseliaan dan peraturan yang terpakai, termasuk Peraturan semasa Bursa Malaysia Derivatives dan Peraturan Bursa Derivatives Clearing hendaklah dirujuk selaras dengan risalah ini. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti untuk mana-mana keputusan kewangan atau perdagangan yang dibuat atas dasar maklumat ini. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas sebelum membuat keputusan kewangan, pelaburan atau perdagangan.